

Cagamas muktamadkan harga Kertas Komersial Konvensional RM300 juta

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd, perbadanan gadai janji nasional, mengumumkan terbitan Kertas Komersial Konvensional (CCP) tiga bulan bernilai RM300 juta.

Cagamas berkata CCP itu akan diterbitkan daripada program Kertas Komersial Islam/Kertas Komersial sedia ada syarikat yang bernilai RM20 bilion, dengan hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong berkata CCP itu merupakan terbitan keempat pihaknya tahun ini, yang menjadikan nilai keseluruhan terbitan RM1.0 bilion bagi 2019 setakat ini.

“Memandangkan pasaran dalam negara terus menyaksikan permintaan berterusan terhadap bon mata wang tempatan bagi semua

tempoh, wujud peluang untuk syarikat mendanai pembiayaan kompetitif yang membolehkan pembelian lebih banyak pinjaman perumahan,” katanya.

Chung berkata CCP itu dilaksanakan menerusi tawaran persendirian dan ditetapkan dengan harga kompetitif pada 38 mata asas di bawah Bil-bil Perbendaharaan Malaysia.

“Penetapan harga CCP adalah setara dengan penanda aras dalam negara yang sama, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur tiga bulan, yang berada pada 3.69 peratus,” katanya.

Menurut Cagamas, kertas tersebut, yang akan ditebus pada nilai nominal penuhnya selepas tempoh matang, adalah obligasi tidak bercagar syarikat, berada di kedudukan setara dalam kalangannya dan semua obligasi tidak bercagar sedia ada lain di bawah syarikat. — Bernama